

Ruj. Fail : MBSJ.KP.100-6/1/1 Jld.2()

**MINIT MESYUARAT PENUH
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA
BIL. 5 TAHUN 2022**

Tarikh : 25 Mei 2022 (Rabu)
Masa : 11.00 pagi – 1.10 petang
Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga
Kehadiran : Seperti di Lampiran A

1.0 BACAAN DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Encik Syed Fadleindra bin Syed Alias, Pengacara Majlis.

2.0 TAYANGAN PROGRAM MAJLIS BULAN MEI 2022

Tayangan video sorotan program dan aktiviti sepanjang bulan Mei 2022 dipaparkan kepada ahli mesyuarat.

3.0 PERUTUSAN DATUK BANDAR

Datuk Bandar memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini

merupakan Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya kali yang kelima tahun 2022. Seterusnya pemakluman beberapa perkara seperti berikut :

- i) Datuk Bandar berkongsi tentang strategi kedua Rancangan Tempatan Subang Jaya 2035 iaitu pertumbuhan berterusan. Dalam usaha mentadbir sebuah kawasan Pihak Berkuasa Tempatan yang dinamik dan berkembang pesat, adalah penting bagi MBSJ untuk memastikan segala perancangan yang terkandung dalam pelbagai dokumen bertaraf perundangan dan pentadbiran dirujuk dan digunapakai oleh semua pihak.

Kecekapan pentadbiran MBSJ dapat diukur secara kuantitatif dan kualitatif berdasarkan Rancangan Tempatan Subang Jaya 2035 dan Pelan Strategik Subang Jaya 2025. MBSJ juga mempunyai pengurusan audit yang cekap, diuruskan oleh Jabatan Audit Dalam dan persijilan audit MS ISO oleh SIRIM bagi memastikan pembangunan bandar berterusan yang menjadi strategi utama dalam Rancangan Tempatan dan Pelan Strategik Subang Jaya tercapai.

Selain daripada pasukan audit dalaman dan luaran, MBSJ juga sangat mementingkan pelaksanaan nilai integriti dalam setiap prosedur kerja termasuk pembangunan tanah bagi memastikan proses pertumbuhan berterusan dibuat secara telus dan saksama. MBSJ telah berjaya mendapatkan pengiktirafan pensijilan Sistem

Pengurusan Anti Rasuah / *Anti-Bribery Management System* (ABMS) bagi ISO 37001:2016 yang merupakan standard antarabangsa. Semua proses kerja melibatkan permohonan kebenaran merancang, pelan bangunan, pelan kerja tanah, pelan jalan, parit dan lampu jalan serta pelan landskap telah mematuhi ABMS.

Untuk mencapai Bandaraya Subang Jaya sebagai bandar mampan yang memberi pilihan dan peluang kepada semua warga Subang Jaya, maka adalah penting bagi Majlis melaksanakan objektif pertumbuhan bandar yang berterusan. Fokus Majlis untuk melaksanakan pertumbuhan bandar berterusan ini perlu dipertanggungjawabkan kepada semua warga kerja MBSJ, Ahli Majlis, rakan-rakan sinergi seperti pelbagai jabatan dan agensi kerajaan, pemaju-pemaju perumahan dan penduduk. Kerjasama yang berterusan di antara semua pihak berkepentingan adalah asas kepada urus tadbir baik sesebuah bandar.

Dalam usaha menguruskan bandar mampan dan pertumbuhan bandar yang berterusan, *United Nations Centre For Human Settlements* (HABITAT), telah menggariskan satu frasa ayat yang perlu dihayati bersama iaitu bandar mampan adalah 'Bandar yang mampu mengekalkan pencapaian dalam pembangunan sosial, ekonomi dan fizikal untuk selama-lamanya'.

Pembangunan bandar tidak hanya diutamakan kepada pembangunan hartanah dan infrastruktur sahaja tetapi juga mengutamakan pembangunan dan pemuliharaan sosio-ekonomi dan alam sekitar meliputi semua aspek dan kumpulan sasaran secara inklusif dan telus.

Research Triangle Institute (RTI) pula mentafsirkan bandar mampan sebagai 'Wilayah Metropolitan yang boleh bersaing dengan jayanya di peringkat global tetapi masih boleh mengekalkan keunggulan budaya dan alam sekitarnya'.

Bandaraya Subang Jaya tidak hanya tertumpu kepada pencapaian domestik tetapi telah merangka pelbagai program dan aktiviti untuk membantu pelbagai pihak untuk bersaing di peringkat global melalui penyediaan kajian inventori *green house gas* bagi mengukur pelepasan karbon dan menggalakkan pelabur tempatan dan antarabangsa untuk melabur di Bandaraya Subang Jaya dengan kerjasama Selangor Invest.

Oleh kerana pembangunan bandar yang berterusan tidak boleh mengabaikan kelastarian alam sekitar dan kesejahteraan penduduk maka MBSJ juga perlu memastikan pelaksanaan prinsip Dasar Perbandaran Negara kedua iaitu Ekonomi Bandar Yang Berdaya Saing.

Bandar memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi negara. Bandar yang berdaya saing perlu mampu meningkatkan keupayaan dan kedudukannya sebagai sebuah lokasi pelaburan strategik yang mempunyai keberkesanan kos bagi menggalak dan membantu membangunkan firma-firma yang berdaya saing. Keadaan ini akan meningkatkan prestasi yang baik daripada segi faedah ekonomi.

Melalui pelaksanaan program dan aktiviti bandar hijau, MBSJ bersedia membantu Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan untuk mencapai pembangunan hijau dan persekitaran yang bersih dengan ikrar untuk mengurangkan intensiti pelepasan karbon sehingga 45% menjelang 2030. Antara inisiatif untuk menerapkan pembangunan hijau adalah kewujudan kejiranan hijau yang berfokuskan kepada gaya hidup rendah karbon seperti penggunaan pengangkutan awam, berbasikal, reka bentuk bangunan rendah karbon dan kebun komuniti.

Berdasarkan Belanjawan Negeri Selangor 2022 , Kerajaan Negeri Selangor telah memperuntukkan Perbelanjaan Pembangunan sebanyak 48% (RM1,123 ribu juta) daripada keseluruhan peruntukan RM2.34 ribu juta dan peruntukan sebanyak RM100 juta bagi Mewujudkan Persekitaran dan Meluaskan Pembangunan Lestari agar Selangor terus Mampan dengan melaksanakan pelbagai projek seperti meningkatkan kualiti air, pembangunan kejiranan hijau, tebatan banjir, pembangunan sistem saliran, Pelan

Induk Saliran Mesra Alam (PISMA), projek penanaman pokok dan pelbagai program untuk menjadikan Negeri Selangor lebih mampan.

Bagi memastikan dasar kerajaan Negeri Selangor untuk menjadikan Negeri Selangor lebih mampan, MBSJ telah menyediakan Laporan VLR SJ (*Valuation Local Report Subang Jaya*) yang telah menggariskan tumpuan MBSJ untuk melaksanakan 7 Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) daripada 17 matlamat keseluruhan iaitu Matlamat 3 (Kesihatan Baik dan Kesejahteraan), Matlamat 5 (Kesaksamaan Gender), Matlamat 8 (Pekerjaan Yang Sesuai dan Pembangunan Ekonomi), Matlamat 11 (Bandar dan Masyarakat Mampan), Matlamat 12 (Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab), Matlamat 13 (Tindakan Terhadap Iklim) dan Matlamat 16 (Keamanan, Keadilan dan Pertubuhan Kukuh).

Tujuan VLR ini adalah sebagai pengukuran keberkesanan projek di MBSJ mengikut matlamat Pembangunan Mampan yang disediakan oleh United Nation (UN). Penemuan pencapaian 7 *SDG Goals* ini telah dibentangkan di United Nations pada tahun 2021. MBSJ akan memastikan penyediaan Laporan VLR ini disediakan secara berterusan dan melaksanakan penambahbaikan bagi pencapaian MBSJ dari semasa ke semasa.

Selain daripada laporan VLR SJ, MBSJ juga telah menyediakan Laporan DA13. Penyediaan dua laporan iaitu VLR SJ dan DA 13 adalah dengan kerjasama daripada URBANICE, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Laporan DA 13 disediakan bagi membuat pengukuran dan penilaian sama ada Bandar Subang Jaya sebagai Bandar Berdaya Tahan dan bangkit dari pasca pandemik kepada pasca Endemik Covid 19. Hasil daripada kajian ini maka tumpuan pemulihan Bandar Subang Jaya adalah perlu memfokuskan sektor ekonomi secara keseluruhan dengan tumpuan pemulihan akan diberi kepada 6 perkara iaitu memastikan urus tadbir bandar yang cekap, mewujudkan peluang pekerjaan dan memudahcara kelulusan pembangunan tanah dan perniagaan, mengoptimalkan penggunaan ruang untuk kegunaan penduduk dan ruang perniagaan, meningkatkan promosi pelancongan di kawasan Subang Jaya, meningkatkan ekonomi SME kepada golongan yang terkesan semasa pandemik Covid 19 dan menyediakan Pelan Pengurusan Bencana Alam.

Semua pihak perlu mempunyai keupayaan berkerjasama dan bergerak pantas bagi memastikan kemajuan Bandar Subang Jaya dapat mencapai matlamat Bandar Mampan Memberi Pilihan dan Peluang dengan objektif pertumbuhan yang berterusan.

- ii) Datuk Bandar juga memaklumkan bahawa MBSJ amat komited dalam memastikan warga kerjanya bebas daripada amalan tidak berintegriti. Dalam pengurusan integriti di MBSJ, aspek utama yang

ditekankan ialah menitikberatkan kepentingan nilai moral dan etika yang tinggi serta pembudayaan integriti. Semua warga kerja diingatkan untuk sentiasa membudayakan integriti secara holistik.

Sejak tahun 2017, MBSJ telah berjaya mendapatkan pengiktirafan pensijilan Sistem Pengurusan Antirasuah/*Anti-Bribery Management System* (ABMS) bagi ISO 37001:2016 yang merupakan standard antarabangsa dan antara 11 agensi awal di Malaysia yang mendapat pengiktirafan ini. Dengan adanya ABMS, MBSJ telah membangunkan Polisi Antirasuah di mana polisi ini menjadi panduan kepada warga kerja dalam menangani kegiatan rasuah dan salah laku yang berpotensi berlaku dalam menjalankan tugas seharian.

Program Pengukuhan Integriti juga turut dilaksanakan kepada warga kerja bagi memastikan usaha pembudayaan dan pengukuhan integriti adalah berterusan. Program pengukuhan integriti dilaksanakan dengan kerjasama agensi luar seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Institut Integriti Malaysia dan Program Tempat Kerja Bebas Dadah yang melibatkan kerjasama dengan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK). Sehingga April 2022, sebanyak 4 program pengukuhan integriti telah dijalankan melibatkan 185 orang pegawai dan kakitangan. Hebahan dan publisiti bagi tujuan kesedaran dan pendidikan berkaitan integriti, rasuah dan

seumpamanya turut dilaksanakan secara komunikasi dalaman dan luaran seperti melalui poster, *screen saver* dan *strategic pillar*.

Melangkah ke hadapan, pada tahun ini MBSJ dalam proses membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Majlis Bandaraya Subang Jaya yang akan menggantikan Pelan Integriti Organisasi. Pelan OACP yang akan dibangunkan nanti adalah selaras dengan Pelan Anti Rasuah Nasional yang akan menjadi Dasar Anti Rasuah MBSJ.

Pelan OACP juga akan mencerminkan komitmen Pengurusan Tertinggi, Ahli Majlis dan warga kerja MBSJ menentang rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan serta dapat menyepadukan usaha-usaha pencegahan rasuah dan penjajaran strategi dalam satu pelan yang khusus untuk menjadikan MBSJ sebagai organisasi yang tidak bertoleransi dengan isu-isu rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan.

Pelan ini juga turut mencerminkan harapan pemegang taruh dan komuniti di bawah pentadbiran MBSJ untuk melihat MBSJ menjadi satu organisasi bebas rasuah yang mengamalkan ketelusan, kebertanggungjawaban dan integriti.

Selain itu juga, pada tahun ini MBSJ akan membangunkan Piagam Integriti selaras dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan Ke-41/2021 yang memutuskan agar

semua agensi mewujudkan Piagam Integriti selaras dengan kerangka OACP Jabatan masing-masing.

- iii) Datuk Bandar memaklumkan mengenai MBSJ telah menjadi Pihak Berkuasa Tempatan pertama yang berjaya mendapatkan sabitan terhadap Badan Pengurusan Bersama (JMB) di atas kegagalan mereka mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan (AGM).

Pada 20 Mei 2022 yang lalu, seramai 8 orang termasuk Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa JMB Kondominium Koi Tropika, Puchong telah didakwa di Mahkamah Majistret (Munisipal) Subang Jaya kerana gagal mengadakan AGM ke-10 tahun 2019.

Mengikut fakta kes dan pertuduhan, pada 4 Mac 2020, kesemua Orang Kena Saman (OKS) telah didapati gagal mengadakan AGM ke-10 untuk Kondominium Koi Tropika bagi tahun 2019. Aduan telah dikemukakan kepada Jabatan Pesuruhjaya Bangunan MBSJ dan susulan itu, satu kertas siasatan telah dibuka. OKS telah dituduh di bawah Peraturan 34 (2) Peraturan-Peraturan Pengurusan Strata (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2015, Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757] yang apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM 50,000.00 atau penjara tidak melebihi tempoh 3 tahun atau kedua-duanya sekali. Pertuduhan telah dibacakan di hadapan Majistret Syafiq Affandy bin Hasan.

Kesemua OKS telah membuat pengakuan bersalah dan Mahkamah telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM2,000.00 seorang terhadap 7 orang daripada 8 orang OKS tersebut yang jumlah keseluruhan adalah RM 14,000.00. Kesemua OKS telah membayar denda tersebut. Walau bagaimanapun, seorang OKS telah dimaklumkan meninggal dunia dan saman terhadapnya telah dibatalkan oleh Mahkamah. Pendakwaan dijalankan oleh Pegawai Pendakwa Majlis Bandaraya Subang Jaya, Puan Intan Rozlina Hani binti Rasim manakala kesemua OKS diwakili oleh peguam M. Ramachandran daripada Tetuan Rama Samuel & Associates.

Sehubungan dengan itu, MBSJ menyeru kepada semua Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC) yang masih belum mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan (AGM), hendaklah melaksanakan kewajipan statutori tersebut sebagaimana yang ditetapkan oleh Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757] mengikut tempoh yang ditetapkan bagi mengelakkan tindakan Mahkamah.

Mesyuarat Agung Tahunan amat penting untuk diadakan memandangkan ianya merupakan medium utama kepada semua pemilik pembangunan berstrata untuk berbincang dan membuat ketetapan serta resolusi bagi memastikan aspek pengurusan dan penyenggaraan bangunan strata dapat dilaksanakan dengan

teratur dan berkesan serta dapat membantu mereka untuk menyelesaikan isu-isu pengurusan yang berbangkit.

- iv) Datuk Bandar mewakili seluruh warga kerja MBSJ mengucapkan penghargaan terima kasih kepada anggota dan petugas MBSJ yang telah terlibat di dalam Misi Bantuan Pembersihan Pasca Banjir Hulu Selangor pada 19 Mei 2022.

MBSJ telah mengatur gerak seramai 42 anggota dan 3 pegawai yang terdiri daripada pasukan PANTAS MBSJ, Jabatan Penguatkuasaan dan Jabatan Pengurusan Alam Sekitar ke Kerling, Hulu Selangor susulan permohonan bantuan daripada Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Selangor lanjutan banjir yang berlaku di kawasan tersebut pada 16 Mei 2022 yang lalu.

Misi ini melibatkan kerja-kerja pembersihan, pelupusan perabot dan perkakasan yang rosak di sekitar kawasan Zon 2, Kampung Jawa Kerling yang melibatkan 19 buah kediaman dan sebuah surau. Diharapkan misi ini dapat mengurangkan beban mereka yang terkesan akibat bencana luar jangka ini.

- v) Datuk Bandar juga memaklumkan bahawa MBSJ akan dinilai oleh pihak SIRIM STS Sdn. Bhd. dalam dua pengauditan iaitu Audit Pensijilan Amalan Terbaik SIRIM 6 : *Customer Service Management* akan diadakan pada 16 Jun 2022 dan Audit Pensijilan Amalan Terbaik SIRIM 7: *Total Quality Management*

akan diadakan pada 17 Jun 2022. Semoga penilaian ini akan dapat mengenal pasti ruang penambahbaikan sekaligus meningkatkan lagi aspek pengurusan kualiti di MBSJ.

- vi) Datuk Bandar juga memaklumkan mengenai situasi semasa demam denggi di MBSJ. Sehingga Minggu Epid 19 iaitu sehingga 14 Mei 2022, terdapat sebanyak 1,143 kes positif demam denggi dilaporkan dalam kawasan pentadbiran MBSJ dengan 6 lokaliti hotspot denggi telah dikenalpasti. Namun demikian, tiada lokaliti hotspot yang melebihi 100 hari dikesan.

Hasil pemantauan di lokaliti kes demam denggi mendapati tempat yang kerap dijumpai pembiakan aedes adalah di lorong-lorong belakang kebun komuniti dan di lokasi sampah haram yang dibuang oleh penduduk.

Masyarakat dinasihatkan supaya memastikan kawasan dan persekitaran premis masing-masing bebas dari tempat pembiakan aedes dengan meluangkan masa sekurang-kurangnya 10 minit seminggu sekali bagi mencari dan memusnahkan tempat-tempat pembiakan nyamuk.

- vii) Datuk Bandar juga membuat pemakluman berkaitan rabies. Seramai 20 orang kakitangan Jabatan Kesihatan MBSJ telah lengkap menerima 3 dos vaksin anti rabies pada 17 Mei 2022.

MBSJ akan melaksanakan aktiviti menangkap anjing terbiar dengan lebih agresif.

Anjing-anjing yang ditangkap terutama dalam lingkungan 10 km radius dari lokasi kes kematian rabies akan diserahkan kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar untuk pelupusan dan kajian. Setakat hari ini, sampel yang diambil daripada anjing dan kelawar yang ditangkap tidak menunjukkan positif rabies.

- viii) Datuk Bandar turut memaklumkan kes HFMD yang menunjukkan peningkatan ketara di Malaysia dan kanak-kanak di taska milik MBSJ juga tidak terkecuali daripada jangkitan tersebut. Sehingga 23 Mei 2022, sebanyak 7 kes dilaporkan di Taska USJ 3 dan 4 kes di Taska Kwarters Permata Sari.

Sehubungan dengan itu, beberapa sesi taklimat akan diberikan kepada warga kerja, pengasuh dan penyelia bagi mengurangkan jangkitan penyakit ini di kalangan anak-anak warga kerja.

4.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 4/2022

Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 4/2022 bertarikh 20 April 2022 (Rabu) disahkan tanpa pindaan.

5.0 MAKLUM BALAS MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 4/2022

Maklum balas Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 4/2022 bertarikh 20 April 2022 (Rabu) disahkan tanpa pindaan.

6.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA

6.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 7/2022 bertarikh 21 April 2022

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan persoalan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 5.18 & m/s 81	Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh	Kertas Kerja Pemakluman Bagi Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil.5/2022 Bertarikh 16 Mac 2022 Ke Atas Bangunan Perindustrian	Beliau memohon penjelasan samada permit khas ini terpakai ke atas bangunan perindustrian yang beroperasi sebagai perniagaan di kawasan PJS 11 dan PJS 7, Bandar Sunway sahaja atau melibatkan seluruh kawasan di MBSJ.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
			<p>Yang Beroperasi Sebagai Perniagaan di Kawasan PJS 11 dan PJS 7, Bandar Sunway, Subang Jaya, Mukim Damansara, Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan. (MBSJ.JPB.BP1.600-1/4/369)</p>	<p>Maklum balas mesyuarat:</p> <p>Mesyuarat memaklumkan bahawa cadangan pemakaian permit khas penggunaan tanah yang ditukar kepada selain industri masih di peringkat Pejabat Tanah dan Galian dan akan dibawa untuk kelulusan Kerajaan Negeri. Buat masa ini, permit ini terpakai di kawasan PJS 11 dan PJS 7, Bandar Sunway sahaja.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Perancangan Bandar</p>

6.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 8/2022 bertarikh 21 April 2022

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**6.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)
Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang
Jaya bil. 9/2022 bertarikh 12 Mei 2022**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**6.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Majlis
Bandaraya Subang Jaya bil. 5/2022 bertarikh 11 Mei 2022**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan pindaan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 3.2 & m/s 2	Encik Teh Eng Teck	Permohonan Pelaburan Ke Dalam Sukuk Dijamin Tidak Dinilai Oleh MBSJ Kepada Worldwide Landfill Sdn Bhd	Beliau memohon penjelasan berkenaan kos pelaburan yang akan dibuat dan status permohonan Datuk Bandar sebagai salah seorang pengarah syarikat.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
2.		Yap Kok Weng	<p>Bagi Tujuan Menyokong Perancangan Pertumbuhan Dan Pengembangan WHB Ke Dalam Perniagaan Sisa Ke Sisa</p>	<p>Beliau memaklumkan bahawa terdapat kesilapan dalam catatan minit mesyuarat iaitu MBSJ tidak mencadangkan Datuk Bandar sebagai salah seorang pengarah syarikat tetapi memohon Datuk Bandar diberikan hak untuk mengundi. Beliau memohon pindaan terhadap minit mesyuarat dilaksanakan.</p> <p>Maklum balas mesyuarat:</p> <p>Mesyuarat memaklumkan bahawa kos pelaburan adalah sebanyak RM 30 juta. Mesyuarat meminta pindaan minit mesyuarat dilaksanakan daripada 'Walau bagaimanapun, Dato' Pengerusi memaklumkan akan</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				<p>memohon hak sebagai salah seorang daripada pengarah syarikat' kepada 'Walau bagaimanapun, MBSJ akan memohon supaya Datuk Bandar diberikan hak untuk mengundi'.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Perbendaharaan</p>
3.	Para 3.3 & m/s 3	Puan Lee Jen Uyin	Cadangan Lokasi Nama Jalan Parkir 2 Jam Majlis Bandaraya Subang Jaya	<p>Beliau memaklumkan bahawa pelaksanaan parkir 2 jam akan bermula 1 Jun 2022, namun demikian sehingga ke hari ini hebahan terhadap pelaksanaan parkir 2 jam masih belum dilaksanakan.</p> <p>Maklum balas mesyuarat:</p> <p>Mesyuarat memaklumkan bahawa MBSJ masih menunggu pandangan daripada Kamar Undang-</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				<p>Undang Negeri berkenaan pewartaan Undang-Undang Kecil Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) Majlis Bandaraya Subang Jaya 2007.</p> <p>Mesyuarat memutuskan pelaksanaan parkir 2 jam akan dilaksanakan pada 1 Jun 2022 sekiranya Majlis mendapat kelulusan daripada Kamar Undang-Undang Negeri. Walau bagaimanapun, pelaksanaan parkir 2 jam akan ditangguhkan sekiranya belum mendapat kelulusan.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Perbendaharaan</p>

6.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 4/2022 bertarikh 17 Mei 2022

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
4.	Para 3.1 & m/s 2	Encik Yap Kok Weng	Mewujudkan Lokasi Pelancongan Di Hutan Ayer Hitam Puchong Dengan Pelaksanaan Projek Secara CSR dengan UPM.	Beliau mencadangkan supaya dilaksanakan satu mesyuarat bagi membincangkan cadangan ini secara terperinci. Maklum balas mesyuarat: Mesyuarat bersetuju supaya mesyuarat berkaitan pelancongan Hutan Ayer Hitam dilaksanakan. Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat

6.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur, Pengangkutan dan Kemudahan Awam Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 6/2022 bertarikh 11 Mei 2022

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan Kesejahteraan Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya bil.4/2022 bertarikh 23 Mei 2022

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 1.0 (iv) & m/s 3	Encik Yap Kok Weng	Ucapan Pengerusi	Beliau memohon penjelasan berkenaan cara yang akan diambil oleh pihak Majlis bagi mengurangkan ancaman ikan spesis asing yang boleh mengganggu rantai makanan, persaingan dengan ikan spesis asli

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				<p>serta merosakkan habitat dan menyebabkan tahap kualiti air merosot.</p> <p>Maklum balas mesyuarat:</p> <p>Mesyuarat memaklumkan bahawa Majlis akan menganjurkan pertandingan memancing di tasik Majlis yang bersesuaian bagi mengurangkan ikan spesies asing.</p> <p>Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat</p>
2.	Para 4.2, 4.3 & m/s 7	Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh	Aduan Anjing Liar	Beliau memaklumkan bahawa terdapat aduan berkaitan anjing liar dikemukakan oleh penduduk. Sehubungan dengan itu, Majlis perlu memikirkan strategi dan pendekatan baharu bagi

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
3.		Encik M. Anbarasan a/ Murugesu		menyelesaikan masalah ini. Beliau memaklumkan terdapat NGO yang boleh membuat tangkapan anjing liar namun mereka kekurangan bajet. Beliau mencadangkan agar Majlis mengeluarkan bajet kepada NGO tersebut bagi urusan tangkapan anjing liar.
4.		Puan Lee Jen Uyin		Beliau mencadangkan supaya Majlis menyediakan lokasi penempatan anjing liar kepada NGO yang berminat. Maklum balas mesyuarat: Mesyuarat memutuskan supaya Jabatan Kesihatan membuat kajian secara holistik dan terperinci bagi mengatasi masalah anjing liar dan membentangkan

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				<p>kajian tersebut dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan Kesejahteraan Bandar.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Kesihatan</p>
5.	Para 5.3 (v) & m/s 11	Encik M. Anbarasan a/l Murugesu	Laporan Jabatan Pengurusan Alam Sekitar bagi Bulan April 2022	<p>Beliau meminta supaya pindaan minit dibuat terhadap MPP 18 kepada MPP 24 dan SB Indah kepada Jalan Belimbing Indah.</p> <p>Maklum balas mesyuarat:</p> <p>Mesyuarat meminta supaya Urus setia Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan Kesejahteraan Bandar membuat pindaan terhadap minit mesyuarat tersebut.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Kesihatan</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
6.	Para 5.4 (ii) & m/s 12	Encik M. Anbarasan a/l Murugesu	Laporan Jabatan Landskap bagi bulan April 2022	<p>Beliau meminta supaya pindaan minit dibuat terhadap MPP 18 kepada MPP 24.</p> <p>Maklum balas mesyuarat:</p> <p>Mesyuarat meminta supaya Urus setia Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan Kesejahteraan Bandar membuat pindaan terhadap minit mesyuarat tersebut.</p> <p>Tindakan : Jabatan Kesihatan</p>
7.	Para 7.6 (iii) & m/s 18	Encik Thomas Low Yew Sin	Hal-Hal Lain	<p>Beliau meminta supaya pindaan minit dibuat terhadap Pangsapuri Seri Permai kepada Pangsapuri Seri Sentosa.</p> <p>Maklum balas mesyuarat:</p> <p>Mesyuarat meminta supaya Urus setia Mesyuarat</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				<p>Jawatankuasa Kesihatan dan Kesejahteraan Bandar membuat pindaan terhadap minit mesyuarat tersebut.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Kesihatan</p>

6.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 5/2022 bertarikh 23 Mei 2022

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 7.1 & m/s 10	Encik Yap Kok Weng	Kertas Laporan Temuduga dan Cadangan Penetapan Kadar Harga Kiosk Baru MBSJ di Taman	Beliau memohon penjelasan berkenaan kadar sewaan tapak berjumlah RM193.00 yang bercanggah dengan keputusan yang dibuat terdahulu. Beliau menjelaskan pendirian tidak

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
			Puncak Jalil, Taman Puchong Indah dan Taman Wawasan	<p>bersetuju dengan kadar harga tersebut yang akan membebaskan penjaja.</p> <p>Maklum balas mesyuarat:</p> <p>Mesyuarat memaklumkan bahawa ahli Jawatankuasa telah bersetuju untuk mengambil kadar purata tawaran sewa maksimum dan tawaran sewa minimum beserta kadar pengurusan sampah sebanyak RM 193.00.</p> <p>Mesyuarat bersetuju untuk membentangkan dan menimbangkan semula kadar harga baharu dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan akan datang dengan syarat kadar asas adalah RM 93.00 termasuk kadar pengurusan</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				sampah. Tindakan : Jabatan Pelesenan
2.	Para 9.8 & m/s 42	Encik Chia Yew Ken	Cadangan Permohonan Lesen Hiburan Bagi Aktiviti Pusat Snuker di Bangunan Perniagaan Berstatus SOHO Beralamat di L1-13A & L2-11 Grand Subang Jaya, Jalan SS 15/8A, SS15, 47500 Subang Jaya Selangor	Beliau memohon penjelasan berkenaan lesen bagi pusat snuker yang diletakkan di bawah kategori lesen hiburan. Beliau berpandangan snuker merupakan sejenis aktiviti sukan dan diiktiraf serta dipertandingkan di peringkat Sukan SEA. Beliau mencadangkan supaya Majlis meneliti perkara ini. Maklum balas mesyuarat: Mesyuarat memutuskan supaya cadangan ini dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan. Tindakan : Jabatan Pelesenan

7.0 PEMBENTANGAN KERTAS MESYUARAT

7.1 Kertas Cadangan Penubuhan Jawatankuasa Perancangan Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya (Kertas Mesyuarat Bil. 6/5/2022)

Kertas cadangan ini telah disediakan dan dibentangkan oleh TPr Ismail bin Muhamad, Pengarah Perancangan Bandar.

Keputusan Mesyuarat :

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju terhadap kertas cadangan penubuhan Jawatankuasa Perancangan Bandar, Majlis Bandaraya Subang Jaya dan bersetuju kertas ini diangkat kepada Kerajaan Negeri untuk mendapatkan kelulusan.

Tindakan : Jabatan Perancangan Bandar

8.0 UCAPAN PENANGGUHAN

Ucapan penangguhan telah disampaikan oleh Encik Mohd Fitri bin Jamaludin, wakil daripada Parti PKR.

9.0 PENUTUP

Datuk Bandar mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 1.10 petang.

Tarikh Disediakan : 27 Mei 2022

" SELANGOR MAJU BERSAMA "

" MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI "

Disediakan oleh;

(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI), A.M.N., A.M.S.

Timbalan Datuk Bandar

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

Disahkan oleh;

(DATO' JOHARY BIN ANUAR), D.P.M.S

Datuk Bandar

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

LAMPIRAN

HADIR

1. YBhg. Dato' Johary bin Anuar, D.P.M.S.
Datuk Bandar - Pengerusi
2. YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, A.M.N., A.M.S.
Timbalan Datuk Bandar - Setiausaha
Mesyuarat
3. YBrs. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus, K.M.N, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan - Timbalan
Setiausaha

HADIR (AHLI MAJLIS)

1. Encik Yap Kok Weng - Ahli Majlis
2. Encik M. Anbarasan a/l Murugesu - "
3. Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj.Yeop Hashim - "
4. Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh - "
5. Encik Chia Yew Ken - "
6. Encik Mehanatan a/l Embamurthi - "
7. Encik Thomas Low Yew Sin - "
8. Encik Thamilarusu a/l Sandayan - "
9. Encik Wong Yii Seang - "

10.	Puan Lee Jen Uyin	-	"
11.	Puan Ng Seow Chen	-	"
12.	Encik Thong Kim Fatt	-	"
13.	Encik Mohd Tarmizi bin Lazim	-	"
14.	Encik Muhammad Khairil bin Khalid	-	"
15.	Encik Teh Eng Teck	-	"
16.	Encik Mohd Fitri bin Jamaludin	-	"
17.	Puan Aniza binti Jamaludin	-	"
18.	Encik Mohamad Syafiq bin Mohamad Norizan	-	"
19.	Encik Kenneth Sam a/l Saminathan	-	"
20.	Cik Syafiqqa binti Zakaria	-	"
21.	Encik Jestin Raj Savarimuthu	-	"
22.	Encik Muhammad fauzan bin Rosli	-	"
23.	Encik Mohamad Kamil bin Harun	-	"
24.	Encik Jaafar bin Mat Akid	-	"

TURUT HADIR (PEGAWAI MBSJ)

1. Tuan. Hj. Mohd Fadzil bin Mahat, A.M.N., A.M.S.
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
2. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin, A.M.S.
Pengarah, Jabatan Kesihatan
3. TPr Ismail bin Muhamad, A.I.S
Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar
4. Encik Muhammad Zaki bin Yusoff
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
5. Puan Hjh. Anita binti Abd Jalil, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
6. Sr. Aida binti Omar, A.M.S., MRISM
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
7. Encik Nor Azmi bin Hj. Mohd Rosli, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Bangunan
8. Encik Muhammad Azli bin Miswan
Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik
9. Puan Nik Zalina binti Megat Muda
Pengarah, Jabatan Pelesenan
10. Puan Hjh. Sharifah Rohaida binti Abd Rahman, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Hasil
11. Ts Azura Binti Mohd Don
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
12. Encik Samzol bin Saat
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat

13. Puan Hjh. Noraziah binti Ali, K.M.N , P.J.K.
Pengarah, Unit Audit Dalam
14. Sr Nazarudin bin Mashtuki
Pengarah, Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan
15. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh
Timbalan Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
16. Encik Farid bin Ibrahim
Pengarah, Jabatan OSC
17. Sr. Mohd Marwan bin Khalilludin
Pengarah, Jabatan COB
18. Puan Azlina Binti Mat Salim
Penolong Pengarah (Kanan), Jabatan Landskap
19. Puan Emilia binti Nasir
Penolong Pengarah, Unit Integriti

URUS SETIA

1. Encik Ismail bin Salim, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Mazura binti Mohamad
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Juliana binti Jaafar
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan